

07 DEC 2002

Rafidah-Australia

RAFIDAH NASIHAT AUSTRALIA CARI PUNCA DALAMAN

PUTRAJAYA, 7 Dis (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini menasihatkan Australia agar melihat punca-punca dalaman yang menyebabkan negara itu menjadi sasaran pengganas.

"Australia sepatutnya perlu bertindak dalaman...lihat dalam negara sendiri apakah kekurangan atau masalah yang kemungkinan boleh mewujudkan keganasan di Australia, seperti mana yang dilakukan oleh Malaysia," katanya.

Rafidah berkata Malaysia selalu melihat secara terperinci supaya tidak wujud anasir-anasir dalam negara sendiri yang boleh mencetuskan unsur-unsur keganasan atau mempunyai kaitan dengan rangkaian pengganas serantau.

"Malaysia telah mengambil tindakan yang lebih awal dalam membanteras anasir-anasir pengganas dan telah dikecam bahawa kononnya kita telah menafikan hak asasi manusia dan menekan pembangkang. Tapi apa yang kita buat itu betul," katanya selepas menghadiri majlis Rumah Terbuka Hari Raya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk orang kenamaan dan pada diplomat di kediaman rasminya di sini.

Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno berkata Australia mengikuti idolanya Amerika Syarikat dalam isu ini.

"Australia sedang mengikuti idolanya iaitu Amerika...kalau Amerika kata "A" dia pun nak kata "A". Tetapi itu hak dia (Australia), bagi kita janganlah buat sesuatu yang boleh memudaratkan hak mutlak kedaulatan kita, itu kita tidak boleh bertolak ansur," katanya.

Rakyat Australia sendiri mungkin tidak suka dengan kata-kata Howard, Rafidah berkata apabila diminta mengulas tentang pendirian Perdana Menteri Australia John Howard yang mahu menyerang negara jiran jika terdapat pengganas yang merancang menyerang kepentingan negara itu.

Ditanya tentang hubungan perdagangan Kuala Lumpur dan Canberra, Rafidah berkata Malaysia tidak ada masalah dengan sektor swasta mahupun rakyat Australia kerana ia berfungsi dalam peringkat yang berlainan.

"Kita (sektor swasta) beroperasi di tahap lain. Tiada emosi atau sensitiviti terbabit dalam perdagangan dan perniagaan. Masalah kita hanya dengan kerajaan dan sikap pucuk pimpinan negara itu."

Beliau berkata, ramai rakyat Australia masih melawat dan melabur di Malaysia.

Pada Julai lepas, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia Nic Brown berkata perdagangan dua hala antara Malaysia dan Australia dijangka meningkat ke RM16 bilion tahun ini.

Beliau berkata, tahun lepas kedua-dua negara mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM13.742 bilion. Eksport Malaysia ke Australia tahun lepas berjumlah RM7.798 bilion sementara import bernilai RM5.944 bilion.

Menurut Majlis Perniagaan Malaysia-Australia (MABC) terdapat lebih kurang 250 syarikat Australia dengan pelaburan di Malaysia berbanding 60 syarikat Malaysia dengan pelaburan di Australia.

-- BERNAMA

SM SR RV PR